

10 SEP 2002

RAFIDAH-ASEM/I

ASEM MENYIMPANG DARIPADA OBJEKTIF ASAL, KATA RAFIDAH

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Mesyuarat Asia-Eropah (Asem), proses tidak rasmi dialog dan kerjasama bertujuan membawa kedua-dua benua itu menjalin hubungan lebih erat yang ditubuhkan pada 1996 di Bangkok, telah menyimpang daripada objektif asalnya, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Beliau berkata terdapat terlalu banyak cadangan yang dibangkitkan oleh kumpulan pakar dan mereka yang ternama tetapi tidak ada satu pun yang beroperasi atau diamalkan sehingga kini.

Selain itu, Eropah sering membangkitkan untuk memasukkan isu-isu perbalahan politik serta hak asasi manusia sehingga menghalang perbincangan yang bermakna bagi meningkatkan hubungan dua hala ekonomi antara kedua-dua benua itu, katanya pada taklimat media di sini.

Asem merupakan proses tidak rasmi dialog dan kerjasama yang membawa bersama 15 anggota Kesatuan Eropah dan Suruhanjaya Eropah dengan 10 negara Asia iaitu Brunei, China, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Filipina, Singapura Thailand dan Vietnam.

Sidang kemuncak sulung berlangsung di Bangkok pada 1996, diikuti dengan yang kedua di London pada 1998 dan ketiga di Korea Selatan pada 2000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadiri sidang kemuncak berikutnya di Copenhagen, Denmark, mulai 21 hingga 24 Sept, 2002.

Rafidah berkata said: "Tiada satu yang konkrit berkaitan kerjasama ekonomi dan EU masih mahu memasukkan isu-isu politik."

Denmark yang menjadi hos bagi sidang itu bekerja rapat dengan Malaysia, Singapura dan Ireland mengenai cadangan untuk melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan penduduknya.

Beliau berkata Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) juga pada satu masa dahulu menyimpang daripada objektif asalnya tetapi beberapa negara membangun termasuk Malaysia berjaya membawanya ke laluan ekonomi.

Begitu juga, beliau berkata Asem sepatutnya berbalik ke objektif asalnya dan mengekalkan hubungan dua hala bagi perdagangan dan pelaburan serta mengurangkan halangan kepada perdagangan dan pelaburan. -- BERNAMA

MR FR NHD